

## UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

KTT 313 - Kimia Takorganik III  
KTT 413 - Kimia Takorganik III

(Masa : 3 jam)

Jawab **LIMA** soalan sahaja.

**SOALAN PERTAMA** perlu dijawab.

Kemudian jawap **EMPAT** soalan lagi dengan memilih **DUA SOALAN** dari Bahagian A dan **DUA SOALAN** dari Bahagian B.

Hanya **LIMA** jawapan yang pertama sahaja akan diperiksa.

Jawab tiap-tiap soalan pada muka surat yang baru.

Kertas ini mengandungi **TUJUH** soalan (5 muka surat).

1. (a) Bagi setiap spesies berikut, kira nombor *styx* dan lakarkan struktur valens yang mungkin
  - (i)  $B_5H_{12}^-$
  - (ii)  $B_6H_6^{2-}$
  - (iii)  $B_4H_{10}$(6 markah)
  
- (b) Bagi setiap spesies berasid yang berikut  $HBrO$ ,  $HBrO_2$ ,  $HBrO_3$  dan  $HBrO_4$ 
  - (i) Susunkan mengikut tertib kekuatan asid.
  - (ii) Ramalkan struktur bagi  $BrO_3^-$  dan  $BrO_4^-$(4 markah)
  
- (c) Huraikan bukti yang dikemukakan oleh Henry Taube dan pelajar-pelajarnya bagi menunjukkan bahawa tindak balas pemindahan elektron antara kompleks-kompleks kobalt(III) dan kromium (II) berlaku melalui mekanisma sfera dalam ?
 (10 markah)

**BAHAGIAN A**

2. (a) Berikan nama bagi setiap spesies berikut mengikut sistem yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tatanama Bahagian Kimia Takorganik (Nomenclature Committee of The Division of Inorganic Chemistry) dibawah pertubuhan I.U.P.A.C.

- (i)  $B_8H_{12}$
- (ii)  $B_9H_{12}^-$
- (iii)  $C_2B_9H_{11}$
- (iv)  $Na[(CH_3)_2C_3B_3H_4]$
- (v)  $[H_2B(NH_3)_2][B_4H_9]$

(5 markah)


(b) (i) Huraikan dua kaedah am untuk penyediaan sebatian boron hidrida.

(6 markah)

(ii) Terangkan secara ringkas tentang kumpulan menopi (capping group) dalam sebatian gugusan.  
Gunakan contoh yang sesuai untuk jawapan anda.

(5 markah)

(c) Tertib kekuatan pengoksidaan bagi sebatian-sebatian halogen dan pseudohalogen didapati seperti berikut :



Jelaskan turutan ini.


(4 markah)

3. (a) Terangkan dengan jelas tiap-tiap istilah berikut :

- (i) Sebatian sangkar.
- (ii) Oksoasid dan oksoanion.
- (iii) Mobiliti sangkar.


(9 markah)

- b) Sebatian  $\text{Os}_3(\text{CO})_{12}$  boleh bertindak sebagai mungkin untuk penghidrogenan alkena seperti berikut :



Dengan mengetahui bahawa tidak ada CO titian dalam setiap sebatian di atas.

- (i) Lukiskan struktur yang mungkin bagi



- (ii) Terangkan satu kaedah yang boleh digunakan untuk membezakan struktur antara  $\text{Os}_3(\text{CO})_{12}$  dengan  $\text{Os}_3(\text{CO})_{12}\text{H}_2$

(8 markah)

- (c) Ikatan B-N dalam sebatian  $\text{B}_2(\text{NMe}_2)_4$  didapati lebih kuat daripada ikatan C-N dalam sebatian  $\text{C}_2(\text{NMe}_2)_4$ . Jelaskan kenyataan ini.

(3 markah)

4. (a) Sebatian  $[\text{Rh}(\text{B}_4\text{H}_8)\text{H}(\text{PPh}_3)_2]$  boleh disediakan daripada tindak balas di antara  $\text{Rh}(\text{PPh}_3)_2\text{Cl}$  dengan  $\text{B}_5\text{H}_9$ . Diketahui bahawa Rh berkeadaan pengoksidaan +1 dan  $\text{PPh}_3$  ialah trifenilfosfina.

- (i) Cadangkan satu mekanisme yang sesuai bagi tindak balas tersebut.

- (ii) Golongkan spesies  $[\text{Rh}(\text{B}_4\text{H}_8)\text{H}(\text{PPh}_3)_2]$  sebagai *kloso*, *nido*, *arakno* atau *hifo*.

- (iii) Lukiskan satu struktur yang sesuai bagi  $[\text{Rh}(\text{B}_4\text{H}_8)\text{H}(\text{PPh}_3)_2]$

(12 markah)

- (b) Dengan memberikan satu contoh yang sesuai, bezakan golongan sebatian yang berikut :

- (i) Logam halida binari.
- (ii) Antarahalogen (Interhalogen).
- (iii) Pseudohalogen.

(8 markah)

### **Bahagian B**

5. (a) Kesan sterik melambatkan tindak balas penukargantian yang berlaku melalui mekanisma asosiatif tetapi mencepatkan tindak balas tersebut yang berlaku melalui mekanisma disosiatif. Terangkan kenyataan ini.

(10 markah)

- (b) Pemalar kadar,  $k$ , bagi penukargantian  $\text{Cl}^-$  dengan  $\text{H}_2\text{O}$  pada kompleks *cis*-[PtCl(L) $\text{Et}_3$ ]<sub>2</sub>], di mana L = 2,6-dimetilpiridina, pada suhu 25°C adalah  $1.0 \times 10^{-6} \text{ k/s}^{-1}$ . Adakah nilai  $k$  akan menurun sekiranya L berkedudukan *trans* kepada Cl ? Jelaskan jawapan anda.

(10 markah)

6. (a) Tindak balas penukargantian ligan pada sesuatu kompleks mungkin boleh berlaku dengan kadar yang lebih pantas atau dapat dimangkinkan dengan

- (i) bes,  $\text{HO}^-$ ,
- (ii) asid,  $\text{H}^+$ , atau
- (iii) elektron (proses redoks).



Beri satu contoh serta penjelasan yang ringkas bagi setiap kes tersebut.

(14 markah)

- (b) Tindak balas tiourea, tu (di mana tu ialah  $\text{SC}(\text{NH}_2)_2$  ), dengan isomer tertentu kompleks  $[\text{Pt}(\text{NH}_3)_2\text{Cl}_2]$  boleh menghasilkan dua produk yang berbeza, iaitu  $[\text{Pt}(\text{tu})_4]^{2+}$  dan  $[\text{Pt}(\text{NH}_3)_2(\text{tu})_2]^{2+}$  . Jelaskan perkara ini.

(6 markah)

7. (a) Ramalkan hasil tindak-tindakbalas berikut :-



(4 markah)

(b) Nyatakan samada kadar tindak balas penukargantian pada sesuatu kompleks persegi akan menurun, meningkat atau tidak begitu berubah sekiranya :

- (i) Kumpulan masuk ditukar daripada  $\text{Cl}^-$  ke  $\text{Br}^-$ ,
- (ii) Ligan penonton berkedudukan *cis* ditukar daripada piridina ke 2-metilpiridina.
- (iii) Cas positif pada logam pusat dikurangkan, dan
- (iv) Ligan *trans* ditukar daripada piridina ke sianida.

(6 markah)

(c) Mengapakah pemalar kadar bagi tindak balas penurunan  $\text{CO}^{111}(\text{NH}_3)_5\text{N}_3$  oleh  $\text{Cr}^{\text{II}}(\text{H}_2\text{O})_6$  adalah lebih  $10^4$  kali ganda dari pemalar kadar bagi tindak balas penurunan  $\text{CO}^{111}(\text{NH}_3)_5\text{NCS}$  oleh  $\text{Cr}^{\text{II}}(\text{H}_2\text{O})_6$ ? Beri dua keterangan yang munasabah.

(10 markah)

oooOOOooo

